

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	12/12/2019	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	KATS / SPAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		



**Fazli Abdullah**  
fazliabdullah@bh.com.my

# Konsesi air perlu jimat kos operasi

Secara purata setiap rakyat Malaysia menggunakan 210 liter air sehari, berbanding 165 liter yang disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Ini bermakna, setiap seorang daripada kita menggunakan air lebih daripada sepatutnya atau secara mudahnya adalah membazir.

Isu ini sudah disadari semua pemegang taruh dalam industri air negara, cuma mungkin penggunaan air yang masih "tidak sedar" betapa banyaknya mereka membazir air. Kalau seorang membazir kira-kira 45 liter air sehari, begitu banyak kehilangan hasil negara akibat sikap tidak cakna ini.

Adakah sikap rakyat kita ini berpunca daripada sumber air yang begitu banyak dan harganya murah sehingga tidak ambil peduli terhadap bekalmunya pada masa depan? Cuma sekali sekala apabila berlaku catuan air atau terputus bekalan seperti yang kadang-kala dialami pengguna di Lembah Klang, barulah mereka sedar betapa berharganya air. Purata kadar tarif air yang dibayar pengguna domestik bagi se-

tiap 1,000 liter air adalah 52 sen berbanding negara ASEAN lain seperti Singapura yang mencecah RM4 dan Filipina kira-kira RM2. Singapura yang menetapkan tarif air yang tinggi menyaksikan purata penggunaan air di republik itu menyamai kadar disyorkan WHO iaitu 165 liter sehari setiap penduduk.

Adakah negara kita perlu meningkatkan tarif air supaya rakyat menggunakan air secara berhemat?

Malaysia sedang berusaha ke arah itu dengan menyasarkan penggunaan air kepada 180 liter sehari pada tahun depan. Walaupun sasaran itu agak tinggi, sekurang-kurangnya kita sedang berusaha untuk mendidik rakyat supaya berjimat menggunakan air.

Melihat kepada senario di atas, nampaknya semakin tarif air antara pilihan utama bagi membatu mengurangkan pembaziran air, sekali gus bagi memenuhi keperluan untuk menyediakan air bersih terawat untuk dinikmati rakyat.

Dengan kadar yang sama sejak 20 tahun lalu, syarikat operator air berdepan preskaran untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan penyenggaraan bekalan air terawat berkualiti. Berdasarkan maklumat Malaysia Water Industry Guide (MMWG) 2018, purata kos merawat dan mengagih setiap

1,000 liter air kepada pengguna domestik ialah RM2.31, namun purata tarif untuk setiap 1,000 liter bagi 20,000 pertama adalah 52 sen saja.

Justeru, penguasaan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, bahawa semua kerajaan negeri secara dasarnya bersejua memaikan tarif air tahun hadapan adalah kepulauan yang signifikan kepada industri ini.

"Saya boleh katakan semua (negeri) setuju. Kita akan bantangkan kewajaran tarif air dinaikkan kepada semua negeri dan kadar utiliti ini tidak pernah disemak dalam tempoh 20 tahun. Pada masa sama, kerajaan memberi jaminan kenalkan tarif air ini munasabah, tidak menbebankan pengguna dan kadar peningkatan tidak melebihi dua peratus daripada pendapatan isi rumah," katanya.

Negeri paling lama tidak menaikkan kadar tarif air pengguna domestik, ialah Pahang yang kali terakhir melakukan semakan pada 1983, diikuti Perlis pada 1996 dan Terengganu pada 1997. Kali naikkan tarif air masing-masing pada 2006, Kedah (2010), Kelantan (2013), Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Labuan dan Johor masing-masing pada 2015.

Walaupun tarif air Negeri Sembilan dan Melaka dinaikkan pada

2015, ia hanya membabitkan pengguna komersial dan industri. Tarif air domestik di Negeri Sembilan tidak disemak sejak 18 tahun lalu manakala Melaka sejak lapan tahun lalu.

Bagi tarif industri pula, kali terakhir Pahang melakukan semakan adalah pada 1983, Perlis (1996), Terengganu (1997), Perak (2006), Selangor (2006), Kedah (2010), Kelantan (2013) serta Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Labuan dan Melaka masing-masing pada 2015.

Selain mengkaji semula tarif, kerajaan juga boleh pertimbang memperkenankan surcaj ke atas penggunaan air bagi menggalakan penjimatan seperti dipertingkatkan kerajaan Pulau Pinang. Purata setiap penduduk Pulau Mutiara itu menggunakan air 220 liter sehari, yang tertinggi di negara ini. Untuk rekod, tarif air di Pulau Pinang adalah terendah di Malaysia iaitu 32 sen setiap 1,000 liter.

Memerusi kaedah itu, lagi banyak penggunaan air, maka lagi tinggillah bil yang perlu dijelaskan. Justeru, negeri yang mencatatkan kadar penggunaan air individu yang tinggi, wajar melaksanakan surcaj bagi mendidik orang ramai supaya berjimat menggunakan air.

Sama ada persetujuan kerajaan negeri untuk menaikkan tarif akan menjadi kenyataan atau ti-

dad, apa yang pasti syarikat pembekal air di setiap negeri perlu mencari jalan bagi mengurangkan kos operasi masing-masing di samping meningkatkan hasil.

Kita semua tahu kadar kekilangan Air Tindak Terhasil (NRW) adalah adalah tinggi iaitu 35.3 peratus atau bersamaan 5,929 juta liter sehari. Kehilangan air secara fizikal seperti kebocoran dan paip pecah serta kehilangan komersial (bacaan meter tidak tepat, penggunaan tidak sah dan kegunaan air yang tidak dibillkan) ini sebenarnya cukup untuk menampung permintaan air di beberapa negeri. Misalnya, permintaan air di Selangor adalah 3,316 juta liter sehari.

Dengan sasaran menurunkan NRW kepada 31 peratus pada tahun depan, ia sudah tentu akan membantu syarikat pembekal air menaikkan hasil walaupun terpaksa menanggung kos operasi yang besar termasuk penggantian paip.

Apabila usaha ini dilaksanakan, dan sekiranya kenalkan tarif air masih diperlukan, biarlah pada kadar yang minimum. Justeru, mekanisme penetapan tarif air yang dijangka dilaksanakan kelak, diharap tidak mengingitkan dan membebankan rakyat berpendapatan rendah.

**Penulis adalah Pengarang Berita BH**